

MAKLUMAT RINGKAS KAWASAN HUTAN PEMELIHARAAN NILAI TINGGI *HIGH CONSERVATION VALUE FOREST* (HCVF) KOMPARTMEN 4, HUTAN SIMPAN SETUL

PENGENALAN

Hutan simpan setul adalah hutan dipterokarp bukit (HDB) yang mana bersambungan dengan banjaran titiawangsa di Malaysia. Manakala purata ketinggian bagi hutan dipterokarp bukit adalah diantara 300 meter hingga 900 meter di mana keluasannya adalah $\pm 3,400$ ha. Hutan ini didominasi oleh sejumlah besar dari kelas Dipterokarp dari famili Shorea dan spesies non-dipterokarp adalah dari famili Leguminosae, Burseraceae, Euphorbiaceae, Moraceae, Laureaceae, Guttiferae, Sterculiaceae dan Melastomataceae (Management And Monitoring For HCVF: Compartment 4 Hutan Simpan Setul, 2007)

PETAK RESAK (*Vatica yeechongii*) KOMPARTMEN 4, HUTAN SIMPAN SETUL

Petak resak (*Vatica yeechongii*) terletak di kompartmen 4 dimana keluasan bagi kompartmen ini adalah ± 8 ha (Management And Monitoring Guidelines For HCVF: Kompartmen 4, Setul Forest Reserve) yang terletak sepanjang jalan lama yang menghubungkan Mantin-Seremban.

Pemilihan bagi Kompartmen 4 Hutan Simpan Setul adalah berdasarkan kepada penemuan pada tahun 2002 pokok *Vatica yeechongii* di mana ini adalah penemuan baru spesies endemik dari kelas Dipterocarpaceae dan penemuan ini telah diterbitkan di dalam The Garden's Bulletin Singapore (Saw, 2002; Chua and Saw, 2003) namun petak resak ini ditubuhkan pada tahun 2007.

Pada tahun 2008 jumlah pokok telah berkurang ke 56 jumlah pokok yang meliputi ± 0.02 ha sahaja. Inventori pokok ini telah dijalankan oleh staff dari Pejabat Daerah Hutan Seremban Barat.


Ancaman

1. Kompartmen 4 ini adalah bersempadan dengan tanah yang telah diwartakan sebagai tanah pertanian, terdapat pelbagai aktiviti pertanian yang dijalankan berhampiran petak HCVF ini di mana penggunaan racun serangga dan baja kimia keatas tanaman pertanian ini akan memberi kesan kepada tumbesaran pokok resak di dalam petak HCVF ini.
2. Pembinaan lebuh raya baru yang menghubungkan Kajang-Seremban/Temiang-Kuala Pilah-Jelebu) yang mana melalui kompartmen 4,5,6,7,8,9,10 dan 14 Hutan Simpan Setul Serta Kompartmen 1,2 Dan 30 Hutan Simpan Galla, dimana pembinaan ini telah menyebabkan kemusnahan habitat bagi kebanyakan spesies flora dan fauna.
3. Hakisan tanah yang teruk telah berlaku semenjak bermulanya pembinaan lebuh raya tersebut

Kaedah pengurusan di peringkat jabatan:

1. Pemantauan perlu dibuat secara berkala.
2. Bancian pokok dibuat pada setiap tahun untuk mengenal pasti kadar pembesaran dan bilangan pokok yang terdapat di petak ini.
3. Rancangan Pengurusan Hutan (2016-2025), pelan tindakan bagi menguruskan sumber-sumber hutan terutamanya yang mengandungi tahap endemisme yang tinggi dan ekosistem yang unik.
4. JPNSDK telah melantik Envirologic Consulting untuk merangka garis panduan pengurusan dan pemantauan, kompartmen 4 hutan simpan setul ini sebagai kawasan HCVF.
5. Menjalin kerjasama dari segi pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti yang melanggar peraturan seperti pembalakan haram, kecurian pasir sungai, penerokaan kawasan hutan serta pemburuan bersama dengan "stakeholders" dan pihak berkuasa yang lain di kawasan yang berhampiran petak HCVF ini.
6. Pembinaan pagar di sekeliling petak HCVF ini dan pemasangan papan tanda HCFV di kawasan yang berhampiran jalan atau kawasan yang berkapasiti tinggi dari segi pembangunan dan penggunaan tanah.

**ANALISA TUMBESARAN POKOK RESAK (VATICA YEECHONGII)
KPT 4 HUTAN SIMPAN SETUL**



1. Carta bar menunjukkan kesemua 12 pokok yang dibanci mencatatkan pertambahan diameter.
2. Pokok yang paling besar berdiameter 21.4cm dan pokok yang paling kecil berdiameter 5.4cm.
3. Pokok nombor 7 telah mati pada tahun 2017.